

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI JIMAT CERMAT  
DAN PINJAMAN MERCANTILE  
BERHAD**

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN 1**

**PERMULAAN**

| <b>No.</b> |                             | <b>Muka Surat</b> |
|------------|-----------------------------|-------------------|
| 1.         | Tajuk dan mula berkuatkuasa | 5                 |
| 2.         | Tafsiran                    | 5 - 8             |

**BAHAGIAN 1I**

**NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI**

|    |                 |   |
|----|-----------------|---|
| 3. | Nama            | 8 |
| 4. | Alamat          | 8 |
| 5. | Kawasan operasi | 8 |

**BAHAGIAN III**

**MATLAMAT, TUJUAN DAN AKTIVITI**

|    |                   |        |
|----|-------------------|--------|
| 6. | Matlamat          | 8 - 9  |
| 7. | Tujuan            | 9      |
| 8. | Aktiviti-aktiviti | 9 - 11 |

**BAHAGIAN IV**

**KEANGGOTAAN**

|     |                                                |         |
|-----|------------------------------------------------|---------|
| 9.  | Anggota                                        | 11      |
| 10. | Kelayakan menjadi anggota                      | 11      |
| 11. | Permohonan menjadi anggota                     | 11      |
| 12. | Fee masuk                                      | 11 - 12 |
| 13. | Ikrar anggota                                  | 12      |
| 14. | Penerimaan menjadi anggota                     | 12      |
| 15. | Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota | 12 - 13 |

| <b>No.</b> |                                            | <b>Muka Surat</b> |
|------------|--------------------------------------------|-------------------|
| 16.        | Pemberian undang-undang kecil              | 13                |
| 17.        | Penama                                     | 13                |
| 18.        | Liabiliti anggota                          | 13 - 14           |
| 19.        | Hilang kelayakan sebagai anggota           | 14                |
| 20.        | Terhenti menjadi anggota                   | 14 - 15           |
| 21.        | Menarik diri                               | 15                |
| 22.        | Pembuangan oleh mesyuarat agung perwakilan | 15 - 16           |
| 23.        | Penyelesaian wang anggota                  | 16 - 17           |

## **BAHAGIAN V**

### **ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI**

|     |                                                                 |         |
|-----|-----------------------------------------------------------------|---------|
| 24. | Mesyuarat agung perwakilan                                      | 17      |
| 25. | Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan         | 17 - 19 |
| 26. | Tiada elaun kehadiran mesyuarat agung daerah                    | 19      |
| 27. | Mesyuarat agung perwakilan tahunan                              | 19 - 20 |
| 28. | Mesyuarat agung perwakilan khas                                 | 20      |
| 29. | Notis mesyuarat agung perwakilan                                | 20      |
| 30. | Kuorum mesyuarat agung perwakilan                               | 20 - 21 |
| 31. | Undi mesyuarat agung perwakilan                                 | 21      |
| 32. | Tundaan mesyuarat agung perwakilan                              | 21      |
| 33. | Perkara-perkara yang diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan | 21 - 23 |
| 34. | Pengerusi dan penangguhan mesyuarat agung perwakilan            | 23      |
| 35. | Pengelolaan koperasi dan pengurusan                             | 2 - 243 |
| 36. | Ketaklayakan menjadi anggota Lembaga                            | 24      |
| 37. | Tempoh memegang jawatan                                         | 24 - 25 |
| 38. | Lucut dan penggantungan jawatan                                 | 25      |
| 39. | Menamatkan perlantikan oleh mesyuarat agung perwakilan          | 26      |
| 40. | Mesyuarat Lembaga                                               | 26      |
| 41. | Kuorum mesyuarat Lembaga                                        | 26      |
| 42. | Urusan mesyuarat Lembaga                                        | 26 - 27 |
| 43. | Undi anggota Lembaga                                            | 27 - 28 |
| 44. | Buku minit mesyuarat Lembaga                                    | 28      |
| 45. | Kuasa dan kewajipan Lembaga                                     | 28 - 30 |
| 46. | Liabiliti anggota Lembaga                                       | 31      |

| <b>No.</b> |                                                 | <b>Muka Surat</b> |
|------------|-------------------------------------------------|-------------------|
| 47.        | Kewajipan pengerusi                             | 31                |
| 48.        | Kewajipan setiausaha                            | 31 - 32           |
| 49.        | Kewajipan bendahari                             | 32 - 33           |
| 50.        | Jawatankuasa Audit Dalaman                      | 33                |
| 51.        | Ketaklayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman | 33                |
| 52.        | Tempoh memegang jawatan                         | 33 - 34           |
| 53.        | Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman  | 34 - 35           |

## **BAHAGIAN VI**

### **ASET DAN WANG KOPERASI**

|     |                                                  |         |
|-----|--------------------------------------------------|---------|
| 54. | Wang dan kumpulan wang Koperasi                  | 35      |
| 55. | Modal syer                                       | 35      |
| 56. | Yuran                                            | 36 – 37 |
| 57. | Pindahan syer                                    | 37      |
| 58. | Penyelesaian modal syer                          | 37 – 38 |
| 59. | Keuntungan modal                                 | 38      |
| 60. | Kumpulan Wang Rizab                              | 38 – 39 |
| 61. | Simpanan Khas                                    | 39      |
| 62. | Pinjaman Luar                                    | 39      |
| 63. | Pelaburan wang                                   | 39      |
| 64. | Pemberian pinjaman/pembiayaan oleh Koperasi      | 39      |
| 65. | Pengagihan untung bersih teraudit                | 40      |
| 66. | Dividen, potongan kerana langganan dan lain-lain | 41      |

## **BAHAGIAN VII**

### **AKAUN DAN AUDIT**

|     |                                                   |         |
|-----|---------------------------------------------------|---------|
| 67. | Tahun kewangan                                    | 41      |
| 68. | Penyenggaraan buku-buku dan audit                 | 41- 42  |
| 69. | Resit-resit dan baucer                            | 42 - 43 |
| 70. | Pengauditan akaun-akaun                           | 43      |
| 71. | Perlantikan juruaudit                             | 43      |
| 72. | Mengemukakan penyata kewangan dan laporan-laporan | 43 - 44 |

## BAHAGIAN VIII

### PELBAGAI

| No. |                                                        | Muka Surat |
|-----|--------------------------------------------------------|------------|
| 73. | Akaun bank                                             | 44         |
| 74. | Mohor koperasi                                         | 44         |
| 75. | Pertukaran alamat anggota                              | 44         |
| 76. | Penyediaan dokumen untuk diperiksa                     | 44 - 45    |
| 77. | Penyerahan tugas                                       | 45         |
| 78. | Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi | 45         |
| 79. | Perlantikan Yang Dipertua                              | 45         |
| 80. | Pertikaian                                             | 45 - 46    |
| 81. | Pembubaran                                             | 46         |
| 82. | Akta Peraturan dan Undang-undang Kecil                 | 46         |
| 83. | Undang-undang Kecil dan aturan-aturan                  | 46 - 47    |
| 84. | Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota         | 47         |
| 85. | Pindaan kepada Undang-undang Kecil                     | 47 - 48    |
| 87. | Tidak mematuhi peruntukan undang-undang kecil ini      | 48         |

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

**Tajuk dan mula berkuatkuasa**

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Ketua Pendaftar.

**Tafsiran**

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

**“Akta”** ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“anggota”** termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

[Pindaan Bil. 1  
14/10/2005]  
Dimansuhkan

**“anggota eksekutif Lembaga”** ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai anggota sepenuh masa Lembaga Koperasi ini dan terlibat dengan pentadbiran dan pengurusan harian urusan dan perniagaan Koperasi ini sebagaimana yang ditakrifkan di bawah peraturan 2 Peraturan;

**“aturan-aturan”** ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi termasuklah skim simpanan khas atau skim pemberian pinjaman/pembiayaan atau kemudahan kredit, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung perwakilan;

**“dividen”** ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer atau modal yuran yang dipegang oleh mereka sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“elaun”** ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmat-khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 46(3) Akta;

**“jawatankuasa kecil”** ertinya jawatankuasa-jawatankuasa tetap dan sementara selain dari jawatankuasa pengurusan yang dibentuk oleh Lembaga dari masa ke semasa untuk tujuan-tujuan tertentu;

**“kesalahan boleh daftar”** ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-penjenayah dan Orang-orang Tak Diingini 1969 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

**“Ketua Pendaftar”** ertinya Ketua Pendaftar Koperasi yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta dan termasuklah mana-mana Pendaftar apabila menjalankan kuasa-kuasa Ketua Pendaftar sebagaimana yang dianugerahkan kepadanya di bawah seksyen tersebut itu;

**“Koperasi”** atau **“Koperasi ini”** ertinya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad;

**“Lembaga”** ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2, dan dibentuk menurut perenggan 42(a) serta tertakluk kepada seksyen 44 dan 45 Akta;

[Pindaan Bil. 1  
24/10/2005  
UUK 2]

**“majikan”** ertinya ketua-ketua mana-mana firma, syarikat, perniagaan, badan-badan berkanun dan majlis-majlis tempatan;

**“Menteri”** ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan pembangunan koperasi sebagaimana yang ditakrifkan di bawah peraturan 2 Peraturan;

[Pindaan Bil. 1  
24/10/2005  
UUK 2  
Dimansuhkan]

**“mercantile”** ertinya firma-firma swasta, juga termasuk badan-badan berkanun dan majlis-majlis tempatan;

**“pegawai”** ertinya pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga dan termasuklah mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Peraturan atau Undang-undang Kecil ini untuk memberikan arahan-arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

[Pindaan Bil. 1  
UUK2  
24/10/2005  
Dimansuhkan]

**“pekerja-pekerja mercantile ”** bermakna pekerja-pekerja dalam syarikat-syarikat, firma-firma, perniagaan-perniagaan, badan-badan berkanun dan majlis-majlis tempatan;

**“Peraturan”** ertinya Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“perlantikan”** termasuklah apa-apa perlantikan atau perlantikan semula melalui pemilihan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“perniagaan pembiayaan”** ertinya perniagaan penerimaan deposit dan -

[a] pemberian pinjaman atau pemberian apa-apa kemudahan kredit lain;

atau

[b] pemberian pinjaman dan pemberian apa-apa kemudahan kredit lain; sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“perwakilan”** ertinya wakil anggota-anggota individu, yang dipilih di mesyuarat peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“potongan langganan”** ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggota mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperolehi sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“prinsip-prinsip koperasi”** termasuklah -

- [a] keanggotaan sukarela dan terbuka;
- [b] pengurusan yang demokratik;
- [c] pulangan terhad atas modal yang disumbangkan oleh anggota-anggota;
- [d] pembahagian keuntungan dengan saksama;
- [e] penggalakan pendidikan Koperasi; dan
- [f] kerjasama aktif di kalangan koperasi-koperasi berdaftar;

**“sabitan”** termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“simpanan khas”** ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan itu untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta, dan tertakluk kepada Undang-undang Kecil ini;

**“subsidiari”** ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer yang diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu;

**“syer”** ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaanya dalam Koperasi ini sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“tribunal”** ertinya tribunal yang ditubuhkan di bawah seksyen 83 Akta;

**“Undang-undang Kecil”** ertinya Undang-undang Kecil ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada Undang-undang Kecil ini;

**“usahasama”** maknanya penyertaan Koperasi ini dalam mana-mana perniagaan yang dijalankan bersama dengan lain-lain Koperasi dan syarikat yang berdaftar;

[Pindaan Bil. 1  
24/10/2005  
Tambahan UUK 2  
Wang Anggota]

**“wang berlebihan”** ertinya wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaannya sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

**“yuran”** ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan boleh dikeluarkan apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

## **BAHAGIAN II**

### **NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI**

#### **Nama**

3. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad.

#### **Alamat**

4. Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah 21-23 Jalan Medan Tuanku, 50300 Kuala Lumpur dan Koperasi hendaklah memberitahu kepada Ketua Pendaftar dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 47(2) Peraturan tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

#### **Kawasan Operasi**

5. Bagi maksud perenggan 26(c) Akta, kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Malaysia.

## **BAHAGIAN III**

### **MATLAMAT, TUJUAN DAN AKTIVITI**

#### **Matlamat**

6. Matlamat Koperasi ini menurut subseksyen 4(1) Akta ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi.

## **Tujuan**

7. Tujuan utama Koperasi ini ialah menjalankan aktiviti kredit.

## **Aktiviti-aktiviti**

8. [1] Bagi mencapai matlamat yang tersebut di dalam undang-undang kecil 6 amnya dan tujuan yang tersebut di dalam undang-undang kecil 7 khususnya, Koperasi bolehlah, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:-.

- [a] mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota-anggota menyimpan dan melaburkan sebahagian daripada pendapatan mereka dalam bentuk yuran bulanan, akaun simpanan khas, dan syer dalam Koperasi ini;
- [b] mengadakan serta menyediakan kemudahan pinjam meminjam bagi anggota-anggota sepertimana yang diperuntukan dalam aturan yang dibuat di bawah undang-undang kecil ;
- [c] menyertai perniagaan pembiayaan dan perniagaan kewangan seperti dalam perusahaan bank, syarikat kewangan, leasing, aktiviti pasaran wang dan sebagainya yang dibenarkan oleh Akta;
- [d] menjalankan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perdagangan termasuk fungsi-fungsi pengguna;
- [e] menjalankan perkhidmatan kenderaan dan pengangkutan;
- [f] memiliki dan memajukan tanah, mendirikan bangunan sebagai pemaju perumahan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan kedai, bangunan pejabat dan sebagainya, untuk anggota-anggota khasnya dan awam amnya, atau membeli bangunan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan, kedai/pejabat termasuk tapak-tapak bangunan tersebut serta menjual, memajak, mencagar, memindahkan tanah dan bangunan-bangunan itu kepada anggota-anggota khasnya dan pihak awam amnya;
- [g] membeli, menjual, memindahkan hak-milik, mendirikan, sewa-menyewa, cagar-mencagar, pajak-memajak dan memiliki harta-harta tak alih (termasuk ladang-ladang, lombong-lombong, kawasan membalak

[Pindaan Bil. 2  
24/10/2005 -  
UUK 8(1)(b)]

- dan perhutanan) serta harta-harta alih;
- [h] memperolehi tanah untuk dibuka dan dimajukan bagi maksud perladangan pertanian, dan penternakan;
  - [i] memproses dan memasarkan hasil pengeluaran anggota-anggota dan mengadakan kemudahan-kemudahan lain;
  - [j] melaburkan wang berlebihan dalam perkara-perkara yang dibenarkan di bawah seksyen 54 Akta;
  - [k] mengadakan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta dengan kebenaran Ketua Pendaftar;
  - [l] menjalankan aktiviti perkhidmatan dan perundingan pengurusan bagi badan-badan Koperasi dan lain-lain termasuk perkhidmatan dan perundingan komputer;
  - [m] mengadakan kemudahan bantuan pelajaran untuk anggota-anggota dan tanggungan mereka;
  - [n] mengeluarkan derma atau lain-lain bantuan yang sah bagi menolong golongan yang memerlukan;
  - [o] membolehkan semua anggota mendapatkan khidmat insuran; dan
  - [p] menjalankan lain-lain perniagaan, industri, pelaburan, pembangunan, perusahaan perkilangan dan perkhidmatan yang boleh memajukan serta mendatangkan faedah kepada Koperasi ini dan anggota-anggota dengan persetujuan mesyuarat agung perwakilan.
- [2] Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti di bawah fasal (1) undang-undang kecil ini, Koperasi boleh mendapatkan modal dengan cara mengumpul syer, yuran dan simpanan khas daripada anggota-anggota dan mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada anggota-anggota dan bukan anggota tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 50 Akta.
- [3] Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti yang disebutkan di dalam fasal (1) itu, Lembaga hendaklah membuat aturan-aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinannya dikemukakan kepada Ketua Pendaftar;
- [4] Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas atau pinjaman, menurut peraturan 26 Peraturan, Lembaga hendaklah –
- [a] menyediakan suratcara berasingan yang menyatakan dengan jelas terma-terma dan syarat-syarat bagi tiap-tiap skim;
  - [b] mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat

- agung perwakilan untuk kelulusan; dan
- [c] mengemukakan satu salinan suratcara yang diluluskan itu kepada Ketua Pendaftar dalam masa satu bulan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.

## **BAHAGIAN IV**

### **KEANGGOTAAN**

#### **Anggota**

9. Anggota-anggota Koperasi ini terdiri daripada sekalian mereka yang turut sama dalam permohonan untuk mendaftarkan Koperasi ini dan mereka yang diterima menjadi anggota selepas pendaftaran mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

#### **Kelayakan menjadi anggota**

[Pindaan Bil. 3  
24/10/2005 –  
UUK 10(1)]

10. [1] Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada pekerja-pekerja tetap mercantile sepenuh masa yang mempunyai pendapatan bulanan yang tetap tidak kurang dari tiga ratus ringgit.
- [2] Menurut seksyen 26 dan 27 Akta, seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah -
- [a] warganegara Malaysia;
  - [b] telah mencapai umur lapan belas tahun;
  - [c] bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
  - [d] bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dalam tempoh satu tahun.

#### **Permohonan menjadi anggota**

11. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha. Setiap pemohon hendaklah memberi butir-butir salah satu akaun banknya (samada akaun semasa atau simpanan) supaya membolehkan Koperasi ini memindahkan wang terus kepada akaun bank itu. Apa-apa perubahan akaun bank itu hendaklah dilaporkan kepada Koperasi ini dengan serta-merta.

#### **Fee masuk**

12. [1] Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fee masuk sebanyak sepuluh ringgit. Fee masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada

pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

- [2] Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fee masuk sebanyak dua puluh ringgit.
- [3] Penama atau wakil yang sah menurut seksyen 24 Akta kepada anggota yang mati, jika layak menurut undang-undang kecil 10 dan memohon untuk menjadi anggota dalam masa tiga bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fee masuk.
- [4] Semua fee masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

### **Ikrar anggota**

- 13. Menurut subperaturan 10(1) Peraturan, seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah diminta menandatangani suatu ikrar bahawa dia akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada dan apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil dan aturan-aturan tersebut, yang dibuat dengan sah semasa tempoh keanggotaannya, dan bahawa dia bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan atau seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar dan dia tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dalam tempoh satu tahun. Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

### **Penerimaan menjadi anggota**

- 14. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

### **Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota.**

- 15. [1] Tiada pemohon yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini boleh menggunakan hak-hak sebagai anggota melainkan jika dan sehingga dia telah menjelaskan:

- [a] fee masuk yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil 12;
- [b] yuran bulanan sekurang-kurangnya enam bulan;
- [c] bayaran penuh sekurang-kurangnya seratus ringgit syer dalam tempoh enam bulan.

Dengan syarat bahawa anggota berkenaan boleh, pada bila-bila masa, menjelaskan sekali gus, yuran bulanan yang dinyatakan di bawah perenggan (b) di atas atau bayaran penuh seratus ringgit syer bagi tujuan melayakan diri untuk menikmati hak-hak keanggotaan sebagaimana yang terkandung dalam undang-

[Pindaan Bil. 4  
24/10/2005 –  
UUK 15(1)(b)]

[Pindaan Bil.1  
24/10/2000 UUK  
15(1)(c)]

[Pindaan Bil. 2  
24/10/2005 –  
UUK 15(1)(c)]

[Pindaan Bil.1  
24/10/2000 UUK  
15(1)]

undang kecil ini.

- [2] Tanpa menghiraukan peruntukan fasal (1) undang-undang kecil ini anggota-anggota yang ingin dilantik sebagai anggota Lembaga hendaklah memenuhi kelayakan tambahan seperti yang diperuntukkan dalam perenggan-perenggan (f) dan (g) Undang-undang Kecil 36 Koperasi ini.

### **Pemberian Undang-undang Kecil**

16. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskhah Undang-undang Kecil ini. Naskhah tambahan akan dikenakan bayaran sebanyak lima ringgit tiap-tiap satu.

### **Penama**

17. [1] Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah, dengan mengisi satu borang rasmi Koperasi ini, dihadapan sekurang-kurangnya dua saksi yang mengaku saksikan perkara yang sama atau dengan suatu akuan yang dibuat sewajarnya, menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama yang kepadanya syer atau kepentingan anggota itu atau nilai syer atau kepentingan itu atau apa-apa wang lain yang disebut dalam seksyen 24 Akta yang kena dibayar kepada anggota itu boleh, dengan kematian anggota itu, dipindahkan atau dibayar menurut seksyen tersebut itu, dan anggota itu boleh dengan cara yang sama dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut. Dalam hal-hal sedemikian, nilai syer atau kepentingan anggota itu hendaklah sama dengan jumlah wang yang sebenarnya dibayar oleh anggota itu untuk memperolehi syer atau kepentingan tersebut itu sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 7(1) Peraturan.
- [2] Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah dengan cara yang sama seperti yang diperuntukkan dalam fasal (1) undang-undang kecil ini menamakan seorang wasi dari kalangan waris-waris terdekat yang mutlak tassarrufnya untuk menerima setelah dia mati wang-wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris-waris yang berhak mengikut hukum Islam dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan-perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.
- [3] Tertakluk kepada undang-undang kecil 10, seseorang penama atau wasi bagi maksud subperaturan 7(3) Peraturan, bolehlah diterima menjadi anggota dan penama atau wasi yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota

### **Liabiliti anggota**

18. [1] Liabiliti seseorang anggota terhadap hutang-hutang Koperasi ini sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya dan tiga ratus ringgit daripada jumlah yurannya dalam Koperasi ini.
- [2] Liabiliti seseorang bekas anggota terhadap hutang-hutang Koperasi yang ada pada tarikh keanggotaannya terhenti hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh itu seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 35(1) Akta.
- [3] Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati hendaklah menurut subseksyen 35(2) Akta, tidak bertanggung bagi hutang-hutang Koperasi yang ada pada tarikh kematiannya itu lebih daripada dua tahun dari tarikh itu.

### **Hilang kelayakan sebagai anggota**

19. Menurut peruntukan seksyen-seksyen 26, 27 dan 29 Akta, seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam masa menjadi anggota dia -
- [a] hilang kewarganegaraan; atau
  - [b] hilang keupayaan dari segi mental; atau
  - [c] diisytiharkan bankrap; atau
  - [d] disabitkan atas sesuatu kesalahan boleh daftar, atau
  - [e] dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu; atau
  - [f] tidak lagi bermastautin atau memiliki tanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, atau
  - [g] telah menjadi anggota koperasi berdaftar lain yang tujuan utamanya ialah untuk memberikan pinjaman kepada anggotanya.

### **Terhenti menjadi anggota**

20. [1] Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab-sebab di bawah ini, mengikut mana yang berkenaan;
- [a] mati; atau
  - [b] menarik diri mengikut undang-undang kecil 21; atau
  - [c] dibuang mengikut undang-undang kecil 22.
- [2] Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang ---
- [a] didapati membuat ikrar palsu di bawah undang-undang kecil 13, atau
  - [b] menurut peraturan 11 Peraturan, hilang kelayakan

- sebagai anggota di bawah undang-undang kecil 19; atau
- [c] terhenti keanggotaannya di bawah perenggan (c) fasal (1) undang-undang kecil ini.

### **Menarik diri**

21. [1] Seseorang anggota yang tidak berhutang kepada Koperasi ini sama ada sebagai peminjam atau penjamin bolehlah menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis dua belas bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab-sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam masa yang singkat.
- [2] Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti pada hari genap tempoh notisnya diterima oleh Koperasi.
- [3] Anggota-anggota yang berhutang kepada Koperasi ini atau mempunyai tanggungan sebagai penjamin hendaklah terus menjelaskan hutangnya dan membebaskan diri dari tanggungan sebagai penjamin dalam tempoh notis berjalan dan jika anggota tersebut masih berhutang pada akhir tempoh notis maka baki hutang hendaklah dijelaskan sebelum keanggotaannya terhenti.
- [4] Dalam tempoh masa notis ini, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.
- [5] Seseorang anggota yang gagal membayar segala caruman kepada Koperasi dalam tempoh notis itu boleh dikenakan denda sehingga sepuluh ringgit sebulan terpulang kepada budibicara Lembaga.

### **Pembuangan oleh mesyuarat agung perwakilan**

22. [1] Jika seseorang anggota melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini atau melakukan mana-mana satu daripada perbuatan-perbuatan berikut:-
- [a] merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Ketua Pendaftar atau tribunal;
- [b] membuat kenyataan dalam akhbar atau dalam mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- [c] membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota-anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini sehingga menyebabkan anggota-anggota berpecah belah dan berpuak-puak;
- [d] memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini;

- [e] bertindak diluar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu;
- [f] menghilangkan diri sehingga tidak dapat dihubungi oleh Lembaga; atau
- [g] tidak menjelaskan yuran bulanan atau pembayaran balik pinjaman (termasuk faedah) kepada Koperasi lebih dari tiga bulan berturut-turut atau gagal membayar seratus ringgit syer dalam tempoh enam bulan;

dia hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini dan bolehlah digantung keanggotaannya.

- [2] Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab-sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.
- [3] Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.
- [4] Sebelum mengesahkan atau mengetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir membuat keputusan membuangnya.
- [5] Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung.

### **Penyelesaian wang anggota**

- 23. [1] Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini mengikut undang-undang kecil 20, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah -
  - [a] sekiranya dia dibuang, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
  - [b] sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan

tiada pentadbir bagi pusaknya atau tiada pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;

[c] sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah mengikut seksyen 24 Akta. Disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau telah tidak dilantik,

[Pindaan Bil. 5  
24/10/2005 –  
UUK 23(1)(d)]

[d] sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas tempoh notis; atau

[Pindaan Bil. 5  
24/10/2005 –  
UUK 23(1)(e)]

[e] sekiranya dia tidak lagi bermastautin atau mempunyai tanah atau bekerja dalam kawasan operasi, dikembalikan kepadanya dengan segera.

[2] Penyelesaian mengenai syer-syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan Undang-undang Kecil 57 dan 58.

[Pindaan Bil. 5  
24/10/2005  
Tambahan UUK  
23(3)]

## **BAHAGIAN V**

### **ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI**

#### **Mesyuarat agung perwakilan**

24. [1] Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak kepada mesyuarat agung perwakilan mengikut seksyen 36 Akta. Di dalam mesyuarat ini, setiap perwakilan yang layak di bawah Undang-undang Kecil ini berhak hadir dan mempunyai satu undi.
- [2] Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

#### **Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan**

25. [1] Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua puluh orang anggota.
- [2] Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan

[Pindaan Bil. 6  
24/10/2005 –  
UUK 25(2)(a)]

[Pindaan Bil. 6  
24/10/2005 –  
UUK 25(2)(b)]

[Pindaan Bil. 6  
24/10/2005 –  
UUK 25(2)(c)  
Dimansuhkan]

hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut -

- [a] bagi dua puluh orang anggota hingga lima puluh anggota yang pertama – seorang perwakilan;
- [b] tiap-tiap tambahan seratus orang anggota berikutnya – seorang perwakilan; dan
- [c] jumlah perwakilan-perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi sepuluh orang.

Disyaratkan seseorang anggota Lembaga atau anggota Jawatankuasa Audit Dalaman yang menjadi wakil di atas jawatannya tidak diambil kira dalam pengiraan bilangan maksima wakil dari kawasan berkenaan.

- [3] Lembaga hendaklah memberi notis sekurang-kurangnya lima belas hari kepada semua anggota yang tinggal di dalam sesuatu kawasan sebelum mesyuarat agung kawasan di adakan dan notis itu hendaklah menyatakan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat. Notis ini hendaklah disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah, mengikut keputusan Lembaga kepada tiap-tiap anggota di alamatnya yang terakhir didaftarkan di pejabat Koperasi ini atau disiarkan di dalam satu atau lebih media massa.
- [4] Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 15 pada dua bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.
- [5] Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota, sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.
- [6] Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam sesuatu kawasan. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu bilangan anggota-anggota yang hadir belum cukup, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan. Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan di dalam fasal (3) undang-undang kecil ini. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki di bawah fasal ini, maka perwakilan baru tidak dilantik dan perwakilan yang sedia ada hendaklah diterima sebagai perwakilan.
- [7] Pengelola yang dilantik oleh Lembaga untuk menguruskan

[Pindaan Bil. 6  
24/10/2005 –  
UUK 25(6)]

mesyuarat itu hendaklah berfungsi sebagai pengerusi majlis sebelum pengerusi mesyuarat agung itu dilantik. Pengelola adalah mempunyai kuasa pengerusi majlis mesyuarat. Anggota-anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat itu dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butir-butir mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan setiausaha mesyuarat yang dipilih oleh anggota-anggota itu dan hendaklah dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

- [8] Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung kawasan.
- [9] Seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan. Seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalam yang akan mengosongkan jawatan hendaklah tetap menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan untuk memilih penggantinya sehingga tamatnya mesyuarat itu.
- [10] Menurut seksyen 30 Akta, dalam mana-mana mesyuarat agung perwakilan setiap perwakilan mempunyai satu undi. Undi berwakil tidak dibenarkan.
- [11] Menurut subperaturan 15(1) Peraturan, mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah menimbangkan perkara-perkara berikut:-
  - [a] draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi;
  - [b] belanjawan tahunan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
  - [c] cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan aturan-aturan aktiviti, jika ada;
  - [d] melantik perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan; dan
  - [e] usul daripada Lembaga dan anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh hari sebelum mesyuarat agung kawasan itu.

### **Tiada elaun kehadiran mesyuarat agung kawasan**

- 26. Anggota tidak boleh dibayar apa-apa balasan kerana menghadiri mesyuarat agung kawasan.

### **Mesyuarat agung perwakilan tahunan**

27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut seksyen 39 Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

### **Mesyuarat agung perwakilan khas**

28. [1] Lembaga pada bila-bila masa boleh, dan apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas mengikut subseksyen 40(1) Akta.
- [2] Ketua Pendaftar atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Ketua Pendaftar menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung khas, mengikut cara dan pada masa dan ditempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara-perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah-kaedah yang sama seperti mesyuarat agung yang dipanggil mengikut Akta atau Undang-undang Kecil ini.

### **Notis mesyuarat agung perwakilan**

29. [1] Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan-perwakilan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.
- [2] Notis ini hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 59(2) Akta, hendaklah disertakan dengan akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada, yang teraudit dengan sewajarnya, anggaran belanjawan bagi tahun yang akan datang, laporan Lembaga dan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.
- [3] Bagi maksud seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Ketua Pendaftar notis bertulis yang mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

### **Kuorum mesyuarat agung perwakilan**

30. [1] Tertakluk kepada fasal (2) dan fasal (3) Undang-undang Kecil ini, kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan bagi apa-

apa maksud menurut peraturan 13 Peraturan, hendaklah satu pertiga daripada jumlah perwakilan.

- [2] Bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas di bawah fasal (2) undang-undang kecil 28 yang ditunda, apa-apa bilangan perwakilan melebihi tiga orang yang hadir hendaklah dikira mencukupi kuorum akan tetapi keputusan-keputusan tidak boleh dibuat melainkan dengan kelebihan undi dua pertiga daripada perwakilan-perwakilan yang hadir itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperenggan 13(b)(iii) Peraturan.
- [3] Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan kerana meminda Undang-undang Kecil ini menurut subperaturan 6(1) Peraturan hendaklah dua pertiga daripada jumlah perwakilan.

### **Undi mesyuarat agung perwakilan**

- 31. Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan-perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran. Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah. Perwakilan-perwakilan yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu. Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 30(1) Akta.

### **Tundaan mesyuarat agung perwakilan**

- 32. [1] Jika selepas tiga puluh minit dari waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat itu bilangan perwakilan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung perwakilan itu -
  - [a] jika dipanggil atas permintaan perwakilan-perwakilan hendaklah dibatalkan; atau
  - [b] jika dipanggil dengan kehendak Lembaga atau di bawah subseksyen 40(2) Akta, hendaklah ditunda kepada satu tarikh lain tidak kurang daripada tujuh hari dan tidak lebih daripada empat belas hari ke hadapan dan notis mengenai penundaannya hendaklah diposkan dalam tempoh empat puluh lapan jam dari waktu asal yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.
- [2] Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung perwakilan yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika ada apa-apa perubahan dibuat kepada perkara-perkara yang telah dicadangkan itu, maka notis menurut fasal (1) undang-undang kecil 29 hendaklah diberi kepada tiap-tiap perwakilan bagi mesyuarat tertunda itu.

### **Perkara-perkara yang diputuskan oleh mesyuarat agung**

## perwakilan

33. [1] Menurut peraturan 12 Peraturan, urusan-urusan berikut hendaklah dijalankan oleh mesyuarat agung perwakilan, iaitu -
- [a] mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
  - [b] menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi ini, (jika pandangan Ketua Pendaftar yang berkaitan dengannya yang disebutkan di bawah subperaturan 30(1) dan (2) dan perenggan 59(1)(e) Akta belum lagi diterima oleh Koperasi, pandangan tersebut hendaklah dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan berikutnya);
  - [c] menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada, cadangan pembahagian keuntungan dan laporan juruaudit Koperasi ini;
  - [d] memilih anggota-anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
  - [e] menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
  - [f] meluluskan elaun-elaun kepada anggota-anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada anggota-anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari atau subsidiari-subsidiari Koperasi ini, jika ada;
  - [g] meluluskan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi;
  - [h] menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi ini;
  - [i] menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi ini;
  - [j] melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang perwakilan dan empat orang anggota Lembaga termasuk pengerusi untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan itu;
  - [k] mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus;
  - [l] mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;

[Pindaan Bil. 7  
24/10/2005 –  
UUK 33(1)(p)]

[Pindaan Bil. 7  
24/10/2005 –  
UUK 33(1)(q)]

[Pindaan Bil. 7  
24/10/2005  
Tambahan UUK  
33(1)(r)]

[Pindaan Bil. 7  
24/10/2005  
Tambahan UUK  
33(1)(s)]

[m] menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini;

[n] mendengar dan memutuskan apa-apa aduan daripada mana-mana anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga, dengan syarat suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Koperasi mengenainya;

[o] meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi perlantikan orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalam;

[p] menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan; dan

[q] mengesahkan atau mengetepikan penggantungan keanggotaan di bawah undang-undang kecil 22, jika ada ;

[2] Perkara-perkara di dalam perenggan (a),(b),(c),(d) dan (e) fasal (1) undang-undang kecil ini hendaklah diputuskan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan.

[3] Minit bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah dicatatkan di dalam buku minit mesyuarat yang berkenaan dan satu salinannya hendaklah diserahkan kepada Ketua Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung perwakilan itu, menurut perenggan 14(b) Akta.

### **Pengerusi dan penangguhan mesyuarat agung perwakilan**

[Pindaan Bil. 8  
24/10/2005 –  
UUK 34(1)]

34. [1] Mana-mana anggota yang dipilih oleh majlis mesyuarat hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan berkenaan.

[2] Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat bolehlah dan, jika dikehendaki demikian oleh mesyuarat itu, hendaklah menangguhkan mesyuarat agung perwakilan itu dari satu masa ke satu masa yang lain dan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam kawasan operasi Koperasi tetapi mesyuarat yang ditangguhkan itu tidak boleh menjalankan apa-apa urusan lain selain daripada urusan mesyuarat yang asal. Notis tidaklah perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu

### **Pengelolaan Koperasi dan pengurusan**

35. [1] Pengelolaan hal-ehwal Koperasi ini menurut perenggan 42(a) Akta, hendaklah terserah kepada satu Lembaga yang mengandungi dua belas orang yang terdiri daripada perwakilan-perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan menurut perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33, dan undang-undang kecil 37.

- [2] Pemilihan anggota Lembaga hendaklah dijalankan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan hanya dengan secara undi sulit sahaja.

### **Ketaklayakan menjadi anggota Lembaga**

36. [1] Seseorang perwakilan tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga menurut seksyen 43 Akta, jika dia -
- [a] telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta; atau
  - [b] telah dipecat sebagai pekerja sesuatu koperasi berdaftar; atau
  - [c] telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini; atau
  - [d] ada kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau
  - [e] belum genap tempoh tiga tahun menjadi anggota Koperasi ini;
- [2] [a] hendaklah mempunyai yuran terkumpul sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus ringgit; atau
- [b] hendaklah mempunyai modal syer sekurang-kurangnya lima ratus ringgit.

[Pindaan Bil. 9  
24/10/2005 –  
UUK 36(1)(e)]

[Pindaan Bil. 9  
24/10/2005 –  
UUK 36(2)(a)]

[Pindaan Bil. 9  
24/10/2005 –  
UUK 36(2)(b)]

### **Tempoh memegang jawatan**

37. [1] Satu pertiga daripada bilangan anggota Lembaga yang dipilih di bawah undang-undang kecil 35 hendaklah menurut peraturan 16 Peraturan, mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan. Bagi dua tahun yang pertama, anggota-anggota Lembaga yang akan berhenti hendaklah dipilih secara mencabut undi. Mana-mana anggota yang mengosongkan jawatannya di bawah undang-undang kecil ini boleh dilantik semula.
- [2] Mana-mana kekosongan dalam Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari hari berlakunya kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana perwakilan yang berkeelayakan menurut undang-undang kecil 36. Anggota yang dilantik demikian hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang. Anggota Lembaga yang dipilih sedemikian hendaklah memegang jawatannya bagi baki tempoh perkhidmatan anggota Lembaga yang digantinya itu.
- [3] Dalam pemilihan Lembaga untuk mengisi jawatan anggota Lembaga yang bersara dan sebarang kekosongan jawatan anggota Lembaga yang diisi di bawah fasal (2) undang-undang kecil ini, empat calon yang mendapat jumlah undi yang

tertinggi adalah dianggap terpilih sebagai mengisi jawatan anggota Lembaga yang telah bersara. Manakala calon yang mendapat undi yang kelima terbanyak dan seterusnya akan dianggap memenuhi jawatan anggota Lembaga yang telah diisi di bawah fasal (2) undang-undang kecil ini.

### **Lucut dan penggantungan jawatan**

38. [1] Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan serta merta jika dia -
- [a] disabitkan atas kesalahan boleh daftar kesalahan di bawah Akta atau Peraturan; atau
  - [b] menerima apa-apa perlantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini; atau
  - [c] tidak hadir di dalam mesyuarat tiga kali berturut-turut melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu. Dengan syarat bahawa mesyuarat lembaga yang telah dipanggil tetapi tidak boleh dijalankan kerana tidak cukup kuorum adalah diambil kira dalam mengira tidak kehadiran tiga kali berturut-turut seseorang anggota Lembaga.
- [2] Menurut subseksyen 47(1) Akta, seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika -
- [a] sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta atau Peraturan; atau
  - [b] majoriti anggota-anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini menurut subperaturan 20(1) Peraturan.
- [3] Tiap-tiap kes penggantungan di bawah perenggan (b) fasal (2) Undang-undang Kecil ini, hendaklah didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu dan anggota yang digantung jawatannya oleh Lembaga itu hendaklah diberi kesempatan untuk memberi penjelasannya menurut subperaturan 20(4) Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti perwakilan-perwakilan yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu menurut subperaturan 20(3) Peraturan.
- [4] Anggota yang dilucutkan atau digantung jawatannya hendaklah dengan serta merta diberitahu secara bertulis dan menurut subperaturan 20(2) Peraturan, hendaklah dengan segera berhenti daripada menjalankan segala hak dalam pengurusan atau pentadbiran hal-ehwal Koperasi ini.

## **Menamatkan perlantikan oleh mesyuarat agung perwakilan**

39. [1] Walau apa pun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 37, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mempunyai kuasa menurut subperaturan 16(2) Peraturan, untuk menamatkan perlantikan mana-mana anggota Lembaga yang dipilih di bawah undang-undang kecil 35 daripada jawatannya pada bila-bila masa dan memilih gantinya atau menamatkan perlantikan kesemua anggota Lembaga itu dan memilih anggota-anggota Lembaga yang baru dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan perlantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan itu diadakan.
- [2] Keputusan untuk menamatkan perlantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota atau anggota-anggota yang terlibat.
- [3] Anggota Lembaga yang ditamatkan perlantikannya di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang .

## **Mesyuarat Lembaga**

40. [1] Mesyuarat Lembaga yang pertama selepas mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan itu.
- [2] Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua bulan.
- [3] Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya Ketua Pendaftar mengeluarkan arahan atau jika enam orang anggota Lembaga membuat permintaan dengan bertulis menyatakan perkara-perkara yang hendak dibincangkan.

## **Kuorum mesyuarat Lembaga**

[Pindaan Bil. 10  
24/10/2005 –  
UUK 41]

41. Kuorum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah tujuh orang dari jumlah anggota Lembaga yang berada dalam kawasan perjalanan koperasi ini.

## **Urusan mesyuarat Lembaga**

42. Urusan-urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk -
- [a] mengesahkan minit mesyuarat yang lalu;
  - [b] membincangkan perkara-perkara berbangkit;
  - [c] mengkaji, membincang, menimbang dan di mana berkenaan, memutuskan perkara-perkara berikut:-
    - [i] keputusan-keputusan mesyuarat agung dan menentukan

- tindakan-tindakan;
- [ii] laporan Jawatankuasa Audit Dalam;
  - [iii] laporan pengurusan termasuk pengurusan buku-buku;
  - [iv] permohonan menjadi anggota Koperasi;
  - [v] permohonan berhenti daripada menjadi anggota;
  - [vi] permohonan pinjaman daripada anggota-anggota;
  - [vii] permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pinjaman;
  - [viii] permohonan menambah atau mengurangkan caruman yuran atau syer;
- [d] membentang dan meluluskan akaun kewangan bulanan;
  - [e] mengkaji projek-projek Koperasi yang lama dan yang sedang dilaksanakan;
  - [f] mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek-projek baru;
  - [g] mengkaji dan membincangkan :-
    - [i] perkara-perkara perjawatan;
    - [ii] program latihan kakitangan;
    - [iii] program pendidikan anggota-anggota.
  - [h] menjalankan apa-apa urusan lain yang baginya notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
  - [i] hal-hal lain.

### **Undi anggota Lembaga**

43. [1] Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota-anggota Lembaga yang hadir. Jika undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah atau gugur. Pengerusi tidak mempunyai undi pemutusan.
- [2] Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam mana-mana perkara mengenai dirinya sendiri atau perkara yang di dalamnya ia ada kepentingan peribadi. Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam apa-apa perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingan dirinya dalam perkara itu.
- [3] Apa-apa perkara bolehlah juga diputuskan dalam keadaan yang mendesak (urgent cases) melalui pekelilingan kepada anggota Lembaga dan tindakan selanjutnya boleh diteruskan jika persetujuan majoriti diperolehi dari mereka yang berada dalam kawasan perjalanan koperasi ini dan tidak bercuti rasmi dan

perkara ini perlu dilaporkan dalam mesyuarat Lembaga yang terawal diadakan.

### **Buku minit mesyuarat Lembaga**

44. [1] Segala keputusan serta nota mengenai perjalanan mesyuarat Lembaga hendaklah dalam tempoh tujuh hari dicatatkan dalam buku minit mesyuarat yang berkenaan dan ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu dan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dikelilingkan kepada anggota-anggota Lembaga. Minit-minit itu setelah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya hendaklah ditandatangani pula oleh pengerusi mesyuarat itu.
- [2] Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan kepada Ketua Pendaftar tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu, menurut perenggan 14(b) Akta.

### **Kuasa dan kewajipan Lembaga**

45. [1] Menurut seksyen 44 Akta, Lembaga pada umumnya adalah bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran serta pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur.
- [2] Bagi melaksanakan tanggungjawab di bawah fasal (1) itu Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang berikut:
- [a] melantik di antara anggota-anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan di bawah fasal (1) undang-undang kecil 40 seorang pengerusi, seorang setiausaha, seorang bendahari dan jawatan-jawatan lain;
  - [b] mengemukakan kepada Ketua Pendaftar suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir seperti nama, alamat kediaman, nombor kad pengenalan, tarikh keanggotaan dan pekerjaan mengikut perenggan 14(a) Akta, dan memberitahu Ketua Pendaftar apa-apa perubahan tentang butir-butir berkenaan secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
  - [c] menerima masuk anggota-anggota baru;
  - [d] meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer-syer;
  - [e] melantik seorang pegawai yang bergaji tetap atau sebuah syarikat, firma atau perniagaan bagi menjalankan sebahagian daripada kewajipan setiausaha atau bendahari dan dengan syarat bahawa pegawai atau pegawai syarikat atau firma atau perniagaan yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;
  - [f] menyanggara dengan benar dan betulnya semua akaun

bagi semua wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi;

- [g] menyenggara dengan betulnya semua akaun berkenaan dengan aset-aset dan liabiliti-liabiliti Koperasi;
- [h] membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan dan menyemak serta mengawasi supaya semua akaun, buku daftar dan dokumen Koperasi yang disenggarakan itu diuruskan dengan sempurna dan dikemaskinikan;
- [i] membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan akaun perdagangan, akaun untung rugi, penyata sumber-sumber dan penggunaan wang serta kunci kira-kira, laporan Lembaga berkenaan dengan kedudukan hal-ehwal Koperasi serta subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya yang telah dikemukakan untuk pandangan Ketua Pendaftar serta laporan juruaudit;
- [j] membuat perakuan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan mengenai pembahagian keuntungan atau pengisytiharan syer bonus Koperasi;
- [k] menimbangkan penyata-penyata dan surat-surat arahan Ketua Pendaftar atau wakilnya dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajar ke atasnya;
- [l] memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota-anggota dan anggota Lembaga serta melucutkan jawatan-jawatan anggota Lembaga;
- [m] memanggil mesyuarat-mesyuarat agung perwakilan dan kawasan mengikut Undang-undang Kecil serta merangka dan menentukan kaedah-kaedah mesyuarat-mesyuarat itu;
- [n] membuat perjanjian bagi mendapatkan pinjaman-pinjaman tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
- [o] dengan mengeluarkan surat-surat rasmi, melantik, menggantung, membuang kerja, menetapkan kewajipan pekerja-pekerja termasuk pengurus, menetapkan gaji dan bayaran-bayaran lain bagi mereka dan mendapatkan jaminan yang cukup bagi kesempurnaan menjalankan kewajipan mereka;
- [p] bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi bagi menyelesaikan segala pertikaian mengenai urusan Koperasi ini atau menerusi seseorang yang dilantik secara bertulis bagi maksud ini mengadu, menjalankan, membela, menyelesaikan, menyerahkan kepada tribunal atau memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah yang melibatkan Koperasi ini atau Lembaga atau pegawai-

pegawai berkenaan dengan hal-ehwal Koperasi ini;

- [q] melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
- [r] mengkaji dan merancang projek-projek yang difikirkan akan memberi manfaat kepada anggota-anggota dan melaksanakan projek-projek itu mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan di mana perlu;
- [s] menjalankan rancangan-rancangan atau projek-projek dalam mana-mana bahagian kawasan operasi Koperasi dan mempelawa anggota-anggota Koperasi ini mengambil bahagian dengan menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
- [t] mengikat perjanjian atau memberi indemniti bagi pihak Koperasi yang mana hendaklah dimeteraikan dengan mohor Koperasi dan ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau seperti yang ditetapkan oleh Lembaga;
- [u] melantik di antara anggota-anggotanya bagi menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang Koperasi ini menjadi anggotanya;
- [v] menubuhkan apa-apa jawatankuasa jika perlu, bagi menjalankan dengan sempurna mana-mana aktiviti Koperasi dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- [w] membuat aturan-aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi kesempurnaan pelaksanaan apa-apa aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinannya kepada Ketua Pendaftar;
- [x] mencadangkan dengan secara dibutirkan satu persatu kepada mesyuarat agung perwakilan elaun-elaun kepada anggota-anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saran kepada anggota-anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari atau subsidiari-subsidiari Koperasi, jika ada;
- [y] menguruskan skim insuran perlindungan pinjaman (kepada anggota) serta skim persaraan insuran. ("Insurance Retirement Scheme") dan/atau apa-apa skim persaraan lain untuk pekerja Koperasi ini, dan
- [z] melaksanakan kewajipan-kewajipan lain yang perlu sebagaimana yang ditentukan di dalam Akta, Peraturan, Undang-undang Kecil ini dan mesyuarat agung perwakilan.

## **Liabiliti anggota Lembaga**

46. Menurut seksyen 45 Akta, Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli-ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan, Undang-undang Kecil ini serta aturan-aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

## **Kewajipan pengerusi**

47. Pengerusi hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan yang berikut:
- [a] mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga;
  - [b] menandatangani minit mesyuarat yang disahkan dan memperakui bersama setiausaha melalui satu akuan yang ditarikhkan dan ditandatangani, cabutan-cabutan dan salinan-salinan dari rekod-rekod Koperasi menurut peraturan 9 Peraturan, bagi maksud seksyen 16 Akta;
  - [c] memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat-mesyuarat Lembaga bila-bila perlu;
  - [d] mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya mengaudit akaun Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepadanya;
  - [e] menandatangani bersama dua anggota Lembaga permohonan bagi didaftarkan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan; dan
  - [f] menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan kakitangan Koperasi ini.

## **Kewajipan setiausaha**

48. [1] Setiausaha hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan yang berikut:
- [a] memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
  - [b] merekodkan perjalanan dan meminitkan keputusan sesuatu mesyuarat;
  - [c] menyenggara dengan betul dan mengemaskinikan semua daftar anggota, daftar penama, buku-buku dan

- laporan-laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
- [d] menjalankan kerja-kerja surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
  - [e] mengesahkan bersama pengerusi salinan-salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku-buku Koperasi;
  - [f] menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
  - [g] menjalankan apa-apa tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga ke atasnya dari semasa ke semasa.
- [2] Kewajipan setiausaha di bawah fasal (1) kecuali yang dinyatakan di perenggan-perenggan (a), (b), (c) dan (f) undang-undang kecil ini, bolehlah diwakilkan kepada pengurus jika seseorang pengurus telah dilantik, atau kepada mana-mana jawatankuasa, pegawai atau individu atau syarikat atau firma atau perniagaan.
- [3] Dalam menjalankan tugas-tugasnya setiausaha adalah bertanggungjawab kepada Lembaga.

### **Kewajipan bendahari**

49. [1] Bendahari hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan yang berikut:
- [a] mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
  - [b] mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka;
  - [c] menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan-arahan Lembaga;
  - [d] menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam masa dua puluh empat jam daripada penerimaannya;
  - [e] mengeluarkan resit-resit menyediakan baucer-baucer dan surat-surat lain mengikut arahan-arahan Lembaga;
  - [f] menyimpan dalam Akaun Wang Runcit wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
  - [g] menyenggara dan menyimpan akaun-akaun Koperasi dan menyediakan segala-galanya dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa

oleh pihak berkuasa yang berkenaan;

- [h] menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentang dalam mesyuarat Lembaga;
  - [i] menyediakan anggaran belanjawan tahunan Koperasi secara dibutirkan satu persatu untuk ditimbangkan oleh Lembaga sebelum dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
  - [j] menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan anggaran bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- [2] Mana-mana satu atau lebih daripada kewajipan-kewajipan bendahari itu bolehlah, tertakluk kepada persetujuan Lembaga, diamanahkan kepada pengurus sekiranya seorang pengurus dilantik oleh Koperasi atau kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau individu atau syarikat atau firma atau perniagaan.

### **Jawatankuasa Audit Dalam**

50. Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi ini menurut perenggan 42(b) Akta hendaklah mengandungi enam orang terdiri daripada perwakilan-perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33 dan undang-undang kecil 52.

### **Ketaklayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalam**

51. [1] Seseorang perwakilan tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalam menurut seksyen 43 Akta, jika dia-
- [a] telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta; atau
  - [b] telah dipecat sebagai pekerja mana-mana koperasi; atau
  - [c] telah dilantik menjadi anggota Lembaga Koperasi ini; atau
  - [d] hendaklah mempunyai yuran terkumpul sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus ringgit; atau
  - [e] hendaklah mempunyai modal syer sekurang-kurangnya lima ratus ringgit.

### **Tempoh memegang jawatan**

- [Pindaan Bil. 11 – 24/10/2005] 52. [1] Semua anggota Jawatankuasa Audit Dalam ini hendaklah

berhenti pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.

- [2] Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan diisi oleh Jawatankuasa ini dengan melantik mana-mana perwakilan yang layak.

### **Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman**

- 53. [1] Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa yang diberi di bawah seksyen 49 Akta, untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi ini dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya bagi memastikan hal-ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Undang-undang Kecil serta keputusan mesyuarat agung perwakilan.
- [2] Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah -
  - [a] memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
  - [b] memeriksa akaun-akaun Koperasi atau melantik orang-orang yang kompeten untuk memeriksa akaun-akaun itu pada lat-lat masa yang tetap yang tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
  - [c] memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi ini dengan serta-merta;
  - [d] mengemukakan kepada mesyuarat agung perwakilan, laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi ini termasuk pelanggaran terhadap Akta atau Peraturan atau Undang-undang Kecil;
  - [e] pada setiap masa, mempunyai akses kepada segala buku, akaun dan dokumen Koperasi ini dan mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan apa-apa maklumat atau buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen sedemikian hendaklah mematuhi kehendak itu.
- [3] Segala kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa ini dalam menjalankan tugas-tugas, fungsi-fungsi serta tanggungjawabnya hendaklah ditanggung oleh Koperasi.
- [4] Jawatankuasa Audit Dalaman menurut subperaturan 32(2) Peraturan hendaklah bersidang dan membuat syornya kepada Lembaga tidak kurang daripada dua kali tiap-tiap tahun dan laporan-laporan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar.
- [5] Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman boleh menerima elaun daripada Koperasi ini tetapi amaun elaun itu tidak boleh

melebihi jumlah wang yang ditetapkan oleh mesyuarat agung Koperasi ini sebelum atau pada masa tempoh jawatannya bermula.

## **BAHAGIAN VI**

### **ASET DAN WANG KOPERASI**

#### **Wang dan kumpulan wang Koperasi**

54. [1] Kumpulan wang Koperasi ini, menurut seksyen 50 Akta, mengandungi:-
- [a] syer dan yuran anggota;
  - [b] simpanan khas daripada anggota-anggota;
  - [c] pinjaman/pembiayaan daripada anggota dan bukan anggota;
  - [d] Kumpulan Wang Rizab;
  - [e] Akaun Rizab Modal;
  - [f] Kumpulan Wang Penebusan Syer;
  - [g] derma dan pemberian tertentu;
  - [h] baki keuntungan terkumpul; dan
  - [i] kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- [2] Kumpulan wang Koperasi ini selain daripada Kumpulan Wang Rizab bolehlah digunakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang diperuntukkan di bawah fasal (1) undang-undang kecil 8.

#### **Modal syer**

[Pindaan Bil. 2  
24/10/2000  
UUK 55(1)]

55. [1] Bagi maksud perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan satu ratus ringgit syer sebagaimana sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh enam bulan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.
- [2] Seseorang penama atau wasi yang menyambung keanggotaan anggota yang mati hendaklah mengambil jumlah syer yang dimiliki oleh anggota yang digantikannya itu tertakluk kepada had yang ditetapkan di bawah fasal (3) undang-undang kecil ini.
- [3] Pemilikan syer seseorang anggota dalam Koperasi ini menurut seksyen 33 Akta tidaklah boleh melebihi satu perlima daripada jumlahnya pada bila-bila masa.

## Yuran

56. [1] Kecuali diluluskan oleh Lembaga, had minimum yuran bulanan hendaklah tidak kurang daripada lima peratus daripada gaji tetap yang diterima oleh anggota dari majikannya, tertakluk kepada had maksimum tiga ratus ringgit sebulan. (Bagaimanapun tiap-tiap anggota adalah diminta untuk membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan persetujuan mesyuarat agung perwakilan). Kadar yuran ini tidak boleh diubah lebih daripada dua kali dalam mana-mana tahun kewangan tanpa izin Lembaga.
- [2] Kesemua tuntutan bayaran bulanan yang dibuat oleh Koperasi kepada anggota hendaklah didapatkan melalui potongan gaji yang dibuat oleh majikannya dan majikan berkenaan hendaklah menjelaskan jumlah tuntutan yang telah dipotong itu kepada Koperasi ini. Tiada sesiapa pun boleh diterima menjadi anggota melainkan majikannya menyatakan persetujuannya secara bertulis untuk membuat potongan tersebut dan membayarnya kepada Koperasi ini.
- [3] Anggota yang majikannya enggan meneruskan potongan dan bayaran bulanan dari gaji seperti tersebut di atas bolehlah terus menjadi anggota jika ia mencadangkan satu cara untuk membayar yuran bulanan dan tanggungannya kepada Koperasi ini sama ada sebagai peminjam atau penjamin atau sebaliknya yang diterima oleh Lembaga.
- [4] Seseorang anggota yang berhenti kerja atau bersara boleh, dengan syarat ia bebas dari semua tanggungan kepada Koperasi ini sama ada sebagai peminjam atau penjamin terus menjadi anggota dan membayar yuran seperti biasa; ataupun memberhentikan pembayaran yurannya tetapi terus menyimpan baki yurannya di dalam Koperasi ini dan menerima dividen tahunan atas baki yurannya dan saham seperti yang diperuntukan dalam undang-undang kecil ini tertakluk kepada fasal (2) undang-undang kecil 10.
- [5] Anggota-anggota yang dimaksudkan dalam fasal (4) undang-undang kecil ini bolehlah diberi pertimbangan oleh Lembaga apabila mereka membuat permohonan pinjaman dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat tambahan yang dikehendaki dalam aturan-aturan mengenai pinjaman tersebut yang disediakan dibawah fasal (3) undang-undang kecil 8.
- [6] Anggota yang dimaksudkan dalam fasal (4) undang-undang kecil ini mempunyai semua hak sebagai seorang anggota.
- [7] Anggota yang berpindah keluar dari kawasan operasi koperasi boleh meneruskan keanggotaannya jika majikannya bersetuju memotong dari gaji bulanan dan menghantar kepada koperasi ini yuran atau apa-apa bayaran sama ada sebagai peminjam atau

penjamin atau sebaliknya atau jika anggota itu mencadangkan cara pembayaran yuran bulanan dan tanggungan kepada koperasi ini (sama ada sebagai peminjam atau penjamin atau sebaliknya) yang diterima oleh Lembaga.

- [8] Anggota-anggota yang terus kekal menjadi anggota mengikut peruntukan fasal (4) undang-undang kecil ini hendaklah menjelaskan kesemua jumlah tuntutan yang dibuat oleh Koperasi ini kepadanya dengan segera mengikut cara yang dipersetujui oleh Lembaga.
- [9] Apabila seseorang anggota bercuti bagi satu tempoh yang panjang, termasuk cuti tanpa gaji, Lembaga bolehlah menentukan jumlah yuran, saham, simpanan khas, pinjaman dan faedah, jika ada, yang perlu dibayar oleh anggota yang berkenaan dalam masa percutiannya dengan syarat ia hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis.
- [10] Yuran terkumpul anggota tidak boleh dikeluarkan kecuali keanggotaannya tamat.
- [11] Yuran terkumpul anggota boleh dijadikan cagaran atas pinjaman sendiri atau pinjaman yang dijamin.

### **Pindahan syer**

- 57. Seseorang anggota boleh memindahkan kepada anggota lain syer-syernya yang melebihi sumbangan minimum di bawah fasal (1) undang-undang kecil 55, akan tetapi pindahan tersebut tidak akan berkuatkuasa sehingga borang pemindahan telah ditandatangani oleh anggota lain itu dan didaftarkan oleh Koperasi. Syer-syer seseorang anggota yang mati bolehlah dipindahkan kepada penama atau wasinya apabila penama atau wasi itu disahkan menjadi anggota atau kepada sesiapa yang dinamakan oleh penama atau wasi itu dalam masa enam bulan selepas kematian anggota itu, sepertimana yang diperuntukan di bawah seksyen 24 Akta.

### **Penyelesaian modal syer**

- 58.
  - [1] Jika bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun dan pemindahan tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 57, maka syer-syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu bolehlah ditebus oleh Koperasi tertakluk kepada fasal (2) undang-undang kecil ini.
  - [2] Syer-syer boleh ditebus hanya dari Kumpulan Wang Penebusan Syer. Nilai tebusan syer-syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi ini akan tetapi tidaklah boleh melebihi nilai asalnya.

- [3] Syer-syer yang ditebus di bawah fasal (1) undang-undang kecil ini bolehlah, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan diterbitkan semula sebagai syer bonus.

### **Keuntungan modal**

59. [1] Menurut seksyen 55 Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada:-

- [a] penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
- [b] penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap, dengan kelulusan Ketua Pendaftar,

hendaklah dikreditkan kepada Akaun Rizab Modal.

- [2] Keuntungan modal yang disebutkan di dalam perenggan (a) fasal (1) undang-undang kecil ini bolehlah, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:-

- [a] penerbitan syer bonus;
- [b] penghapusan kira kerugian terkumpul;
- [c] penghapusan kira kerugian modal; dan
- [d] pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

- [3] Syer bonus boleh diterbitkan menurut tatacara di bawah peraturan 25 Peraturan berasaskan kepada jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan yang akaunnya dibentangkan dalam mesyuarat agung perwakilan yang mengisytiharkan syer bonus itu atau, dalam hal penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus semula, sebagaimana pada tarikh penebusan itu dengan syarat -

- [a] nama anggota yang akan menerima itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
- [b] semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapus kira;
- [c] buku-buku dan rekod-rekod Koperasi telah disenggarakan dengan memuaskan menurut pandangan Ketua Pendaftar;

- [4] Syer bonus tidak boleh dikeluarkan tetapi boleh, dengan kelulusan Lembaga dipindahkan kepada anggota lain atau, dalam hal anggota yang tamat keanggotaannya selepas syer bonus itu diterbitkan, dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

### **Kumpulan Wang Rizab**

60. [1] Koperasi ini hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab menurut subseksyen 57(1) Akta yang kepadanya tidak kurang daripada lima belas peratus daripada keuntungan bersih terauditnya hendaklah dikreditkan.
- [2] Kumpulan Wang Rizab ini tidak boleh dibahagi-bahagikan dan tiada anggota yang berhak untuk menuntut apa-apa bahagian tertentu daripadanya.

### **Simpanan khas**

61. Koperasi bolehlah menurut peruntukan perenggan 50(d) Akta, menerima simpanan khas tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dibuat mengikut fasal (4) undang-undang kecil 8.

### **Pinjaman luar**

62. [1] Tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan, sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 52 Akta, Koperasi bolehlah meminjam wang daripada anggota dan bukan anggotanya untuk digunakan bagi maksud yang khas dalam perniagaannya.
- [2] Koperasi ini hendaklah setiap tahun menentukan di dalam mesyuarat agung perwakilannya had maksimum keterhutangan berkenaan dengan pinjaman yang sedia ada dan yang baru yang akan ditanggung dalam tahun yang akan datang.

### **Pelaburan wang**

63. [1] Wang berlebihan Koperasi ini bolehlah dilabur atau didepositkan menurut peruntukan seksyen 54 Akta.
- [2] Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

### **Pemberian pinjaman oleh Koperasi**

64. Menurut subseksyen 51(1) Akta, Koperasi ini bolehlah memberikan apa-apa pinjaman atau kemudahan kredit lain kepada:-
- [a] anggota-anggotanya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan-aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan;
  - [b] pekerja-pekerjanya, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat gunakhidmat mereka dan peruntukan peraturan 21 Peraturan;
  - [c] subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya atau koperasi berdaftar lain, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pendaftar.

## **Pengagihan untung bersih teraudit**

65. [1] Keuntungan bersih teraudit Koperasi ini seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta hendaklah diagihkan menurut subseksyen 57(1) dan (2) Akta seperti berikut:
- [a] tidak kurang daripada lima belas peratus dibayar kepada Kumpulan Wang Rizab; dan
  - [b] sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri dibayar kepada mana-mana institusi pendidikan atau mana-mana koperasi menengah atau atasan yang telah diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi diperingkat kebangsaan dan antarabangsa atau kepada kedua-duanya atau kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.
- disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, bolehlah ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) daripada jumlah wang yang disebutkan di dalam perenggan (a).
- [2] Selepas pengagihan mengikut fasal (1) undang-undang kecil ini, dan peruntukan cukai pendapatan jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagi-bahagikan menurut subseksyen 57(5) Akta bolehlah digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:-
- [a] potongan kerana langganan;
  - [b] pulangan atas simpanan khas;
  - [c] dividen atas syer dan yuran;
  - [d] bayaran honorarium kepada anggota Lembaga;
  - [e] peruntukan sebanyak tidak lebih sepuluh peratus daripada untung bersih teraudit bagi apa-apa maksud kebajikan yang diluluskan oleh mesyuarat agung; dan
  - [f] peruntukan kepada kumpulan wang lain yang diwujudkan menurut fasal (1) undang-undang kecil 54.
- [3] Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara di bawah perenggan (b) fasal (1) dan fasal (2) undang-undang kecil ini boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapus kira sepenuhnya.
- [4] Dengan kelulusan Ketua Pendaftar, Koperasi ini boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapus kira sepenuhnya, menggunakan tidak lebih lima peratus daripada untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggota-anggotanya sepertimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 57(8) Akta.

## **Dividen, potongan kerana langganan dan lain-lain**

66. [1] Kadar dividen yang dibayar atas syer-syer atau yuran kepunyaan tiap-tiap anggota seperti pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan, mengikut peraturan 24 Peraturan hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Ketua Pendaftar. Seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi ini pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak untuk mendapat dividen.
- [2] Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun yuran anggota yang berhak menerimanya. Dalam masa enam puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan, maka dividen itu hendaklah dibayar kepada anggota dan didebitkan dari akaun yuran anggota yang berkenaan itu. Bayaran berkenaan akan dibuat kepada akaun bank anggota.
- [3] Bagi anggota-anggota yang telah menarik diri atau telah mati tetapi masih layak menerima dividen mereka atau penama atau pentadbir mereka, hendaklah dibayar dividen mereka dalam tempoh enam bulan selepas tarikh dividen diisytiharkan. Selepas dari tempoh enam bulan itu, wang dividen ini, jika masih tidak dapat disampaikan, bolehlah disimpan oleh Koperasi ini hingga satu tempoh yang akan ditetapkan apabila wang tersebut akan diuruskan mengikut peruntukan Unclaimed Monies Act 1965.
- [4] Potongan kerana langganan boleh diberikan hanya jika langganan anggota tidak kurang daripada lima ribu ringgit dalam tahun kewangan yang berkenaan.

## **BAHAGIAN VII** **AKAUN DAN AUDIT**

### **Tahun kewangan**

67. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember.

### **Penyenggaraan buku-buku dan audit**

68. [1] Lembaga hendaklah menentukan bahawa rekod-rekod akaun dan rekod-rekod lain disimpan dengan sempurna dan kemaskini menurut seksyen 58 Akta, mengenai:-
- [a] tiap-tiap transaksi Koperasi ini dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada;
- [b] aset-aset tetap dan pelaburan-pelaburan Koperasi ini dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada;

- [c] deposit-deposit yang dibuat oleh Koperasi ini dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada;
  - [d] syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota-anggota dan;
  - [e] rekod-rekod dan daftar-daftar lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pendaftar.
- [2] Bagi memastikan bahawa kesemua rekod-rekod perakaunan dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan, Lembaga bolehlah melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod-rekod tersebut dengan bayaran upah yang berpatutan.
  - [3] Menurut subseksyen 58(4) Akta, rekod-rekod akaun hendaklah disimpan di ibu pejabat Koperasi pada sepanjang masa melainkan jika Ketua Pendaftar mengarahkan supaya disimpan di tempat lain dan hendaklah disimpan oleh Koperasi selama enam tahun selepas diaudit seperti yang dinyatakan di bawah subperaturan 29(3) Peraturan.
  - [4] Rekod-rekod ini boleh diperiksa oleh anggota-anggota pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat mengenai pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.
  - [5] Catatan dalam akaun-akaun Koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, menurut subseksyen 58(2) Akta hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas sesuatu transaksi. Penyediaan akaun-akaun bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu supaya akaun-akaun itu dapat diaudit dan dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.
  - [6] Butir-butir terperinci perbelanjaan Lembaga dan pembayaran-pembayaran kepada tiap-tiap anggota Lembaga dan anggota jawatankuasa-jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah dimaklumkan kepada mesyuarat agung perwakilan melalui nota-nota kepada akaun untung rugi sepertimana yang dikehendaki di bawah subperaturan 29(2) Peraturan.
  - [7] Ketua Pendaftar boleh menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

### **Resit-resit dan baucer**

- 69. [1] Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang yang diterima olehnya. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberikuasa oleh Lembaga

dari semasa ke semasa.

- [2] Baucer hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucer-baucer tersebut hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh dua orang daripada pegawai-pegawai yang diberikuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Pengauditan akaun-akaun**

- 70. Menurut subseksyen 60(1) Akta, akaun-akaun dan rekod-rekod yang perlu berkaitan Koperasi ini hendaklah diaudit oleh seorang juruaudit yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan dan dilantik melalui suatu suratcara perlantikan menurut perenggan (b) subperaturan 27(2) Peraturan.

### **Perlantikan juruaudit**

- 71. [1] Bagi maksud subseksyen 63(1) dan (2) Akta, juruaudit yang dilantik hendaklah memberi laporan mengenai penyata-penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Ketua Pendaftar serta anggota-anggota Koperasi ini.
- [2] Perlantikan juruaudit dan penyerahan kepadanya rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain Koperasi ini untuk maksud pengauditan menurut subperaturan 27(4) Peraturan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pendaftar dengan mengemukakan satu salinan suratcara perlantikan yang dimaksudkan dalam undang-undang kecil 70.
- [3] Bagi maksud subperaturan 27(3) Peraturan, suatu senarai lengkap buku-buku dan dokumen-dokumen Koperasi ini yang diserahkan kepada juruaudit hendaklah disediakan oleh Koperasi untuk ditandatangani oleh juruaudit itu sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

### **Mengemukakan penyata kewangan dan laporan-laporan**

- 72. [1] Satu salinan akaun perdagangan, akaun untung rugi, penyata sumber-sumber dan penggunaan wang, kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Ketua Pendaftar menurut subseksyen 59(2) Akta, laporan juruaudit dan laporan Jawatankuasa Audit Dalamannya hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap perwakilan tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan.
- [2] Satu salinan akaun perdagangan, akaun untung rugi, penyata sumber-sumber dan penggunaan wang, kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan

subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Ketua Pendaftar menurut subseksyen 59(2) Akta, laporan juruaudit dan laporan Jawatankuasa Audit Dalamannya bersama dengan pandangan-pandangan Ketua Pendaftar, jika ada, hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap anggota Koperasi ini tidak lewat daripada sembilan puluh hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunan.

## **BAHAGIAN VIII**

### **PELBAGAI**

#### **Akaun bank**

73. Akaun bank bagi Koperasi ini hendaklah diuruskan bersama oleh pengerusi, bendahari dan setiausaha atau pegawai yang diberikuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

#### **Mohor Koperasi**

74. [1] Koperasi ini hendaklah ada satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberikuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.
- [2] Dokumen-dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi, sama ada dimeteraikan atau tidak dan ditandatangani dengan sahnya oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberikuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan

#### **Pertukaran alamat anggota**

75. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan segala pertukaran alamatnya. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

#### **Penyediaan dokumen untuk diperiksa**

76. Bagi maksud seksyen 13 Akta, setiausaha hendaklah menyediakan:-
- [a] satu salinan Akta dan Peraturan;
  - [b] satu salinan Undang-undang Kecil ini dan, jika ada aturan-aturan aktiviti;
  - [c] akaun teraudit Koperasi yang terakhir; dan

[d] satu senarai lengkap anggota Koperasi ini.

yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota-anggota Koperasi ini sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi ini.

### **Penyerahan tugas**

77. Penyerahan tugas secara rasmi hendaklah dilakukan apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi ini. Penyerahan tersebut hendaklah disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran ini.

### **Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi**

78. [1] Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi ini di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi ini sama ada di dalam atau di luar negeri mengikut peraturan 46 Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi ini.
- [2] Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi ini. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi ini.

### **Perlantikan Yang Dipertua**

79. Lembaga bolehlah melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi ini. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi ini tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

### **Pertikaian**

80. [1] Segala pertikaian seperti yang disebutkan di bawah subseksyen 82(1) Akta yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai-pegawai, perjalanan mesyuarat-mesyuarat agung perwakilan, pengurusan atau perniagaan Koperasi ini hendaklah di rujukkan kepada Ketua Pendaftar atau tribunal menurut tatacara di bawah peraturan 33 Peraturan.
- [2] Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujukkan pertikaian di bawah subseksyen 82(1) Akta kepada mana-mana orang selain daripada Ketua Pendaftar atau tribunal hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini dan bolehlah dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 22.
- [3] Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan dalam

subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi ini untuk penyelesaian. Apa-apa persoalan tentang sama ada pertikaian tersebut termasuk dalam maksud subseksyen 82(1) Akta hendaklah diputuskan oleh Ketua Pendaftar dan keputusannya adalah muktamad.

- [4] Semua perbelanjaan bersabit dengan pertikaian yang dirujuk kepada Ketua Pendaftar adalah tanggungan kedua-dua pihak yang terlibat melainkan pertikaian yang dirujuk oleh Ketua Pendaftar kepada Mahkamah di bawah perenggan 82(3)(c) Akta. Setelah Mahkamah membuat keputusan mengenai pertikaian yang dirujukkan kepadanya itu dan sekiranya segala tuntutan mengenai perbelanjaan bersabit yang diarahkan oleh Mahkamah tidak didapati sepenuhnya maka bakinya bolehlah dibayar oleh Koperasi ini.
- [5] Lembaga atau anggota yang mewakili bagi pihak Koperasi tidaklah tertakluk kepada peruntukan fasal (1) undang-undang kecil ini.

[Pindaan Bil. 12  
24/10/2005 –  
UUK 80(5)  
Dimansuhkan]

## **Pembubaran**

81. Koperasi ini boleh dibubarkan hanya dengan perintah Ketua Pendaftar.

## **Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil**

82. [1] Undang-undang Kecil ini adalah dibuat mengikut peraturan 5 Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Ketua Pendaftar. Aturan-aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.
- [2] Apa-apa urusan Koperasi ini adalah tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, undang-undang kecil ini dan aturan-aturan yang hendaklah dibaca bersekali. Sekiranya tiada peruntukan dalam undang-undang kecil ini atau ada pertelingkahan di antara undang-undang kecil ini dengan Akta dan Peraturan, maka peruntukan dalam Akta dan Peraturan hendaklah dipakai.
- [3] Tertakluk kepada fasal (2) undang-undang kecil ini Lembaga boleh, pada masa mesyuarat agung perwakilan tidak bersidang, memutuskan apa-apa hal yang tidak diperuntukan dalam Undang-undang Kecil atau Akta atau Peraturan.

[Pindaan Bil. 13  
24/10/2005 –  
UUK 82(3)  
Dimansuhkan]

## **Undang-undang Kecil dan aturan-aturan**

83. [1] Sehingga aturan-aturan aktiviti dibuat menurut undang-undang kecil ini, aturan-aturan berikut yang sedia ada boleh terus dipakai:-
- [a] Peraturan Bagi Menjalan Aktiviti Akaun Simpanan

Tertentu;

- [b] Peraturan Bagi Menjalankan Aktiviti Pinjaman;
- [c] Peraturan Bagi Pinjaman Pendidikan;
- [d] Peraturan Bagi Menjalankan Aktiviti Insuran;
- [e] Peraturan Kumpulanwang Bantuan Pelajaran Koperasi;
- [f] Peraturan Menjalankan Kumpulanwang Khairat Kematian;
- [g] Peraturan Bagi Pemilihan Lembaga dan Juruaudit Dalam;
- [h] Peraturan Bagi Menentukan Daerah/Kawasan Perwakilan;
- [i] Peraturan Tetap Mesyuarat Agung Daerah/Kawasan;
- [j] Peraturan Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan;

### **Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota**

84. Undang-undang Kecil ini menurut seksyen 17 Akta hendaklah mengikat Koperasi ini dan anggota-anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak setiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

### **Pindaan Kepada undang-undang kecil**

85. [1] Pindaan kepada undang-undang kecil ini boleh dicadangkan oleh Lembaga atau mana-mana mesyuarat agung kawasan atau perwakilan atau anggota Koperasi ini.
- [2] Cadangan pindaan kepada undang-undang kecil ini bolehlah diuruskan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas.
- [3] Cadangan pindaan kepada undang-undang kecil dari perwakilan atau anggota hendaklah di alamatkan kepada setiausaha di alamat pejabat Koperasi yang di daftarkan dan boleh di sampaikan kepadanya bila-bila masa saja tetapi tidak lewat daripada satu bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan.
- [4] Setiausaha hendaklah memasukkan sebarang cadangan untuk meminda undang-undang kecil ini yang diterimanya dalam agenda mesyuarat Lembaga yang terawal di adakan selepas penerimaan cadangan pindaan tersebut.
- [5] Lembaga berhak, mengikut budi bicaranya, mengambil alih dan menganggap sebarang cadangan pindaan dari wakil sebagai

cadangannya sendiri.

- [6] Lembaga hendaklah memasukkan apa-apa cadangan pindaan kepada undang-undang kecil dalam agenda mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penerimaan cadangan pindaan tersebut.

### **Tidak mematuhi peruntukan Undang-undang Kecil ini**

[Pindaan Bil. 14  
24/10/2005 –  
UUK 86]

86. Sesuatu tindakan yang dilakukan secara sah untuk mematuhi atau melaksanakan atau dengan hasrat untuk melaksanakan Undang-undang Kecil ini tidak boleh menjadi taksah semata-mata oleh sebab kemungkiran mematuhi mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini jika didapati bahawa tindakan itu telah dilakukan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam undang-undang kecil berkenaan dan kemungkiran itu tidak pula menyentuh akibat tindakan itu.

Diakui Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung perwakilan khas pada dua haribulan Julai tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh lima.

.....  
(Mohd Isa bin Jani)  
Pengerusi

.....  
(Yeop Ali bin Mohd Dobi)  
Anggota Lembaga

.....  
(Badar Sharif bin A Majid)  
Anggota Lembaga